



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

**MAJLIS AMANAT YAB PERDANA MENTERI**  
**BERSAMA WARGA PENGUATKUASA KPND DAN PELUNCURAN**  
**PORTAL IHSAN MADANI**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani.

### **(SALUTASI)**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberikan nikmat kesihatan dan kelapangan masa, untuk berhimpun dalam **Majlis Amanat YAB Perdana Menteri Bersama Warga Penguat Kuasa KPND dan Peluncuran Portal Ihsan Madani.**

2. Sesungguhnya, majlis ini amat bermakna, kerana sejak Bahagian Penguat Kuasa diwujudkan pada tahun 1972, setelah lebih 5 dekad, saya difahamkan oleh Dato' Ketua Pengarah Bhg. Penguat Kuasa, inilah kali pertama, inilah buat julung kalinya, seorang Perdana Menteri hadir, dalam satu majlis khas bersama jentera penguat kuasa KPDN. Terima kasih Dato' Seri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Saya cukup yakin kehadiran YAB Perdana Menteri pada hari ini adalah citra pengiktirafan dan harapan tinggi kepimpinan negara terhadap peranan penjawat awam di Kementerian ini.
4. Hakikatnya, KPDN ini sebuah kementerian yang unik kerana menggabungkan tiga teras penting; kefungisian ekonomi untuk memacu ekonomi domestik, peranan sosial kemasyarakatan dalam aspek kepenggunaan, dan KPDN juga adalah sebuah kementerian penguatkuasaan dengan sejumlah 27 Akta di bawah kawal selianya secara langsung. Ini termasuk 13 Akta di bawah Bhg. Penguat kuasa KPDN, selain komponen penguatkuasaan di bawah agensi Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
5. Atas kesedaran itu, sebaik diamanahkan menerajui Kementerian ini, selain meneruskan legasi agenda Payung Rahmah, saya bersama pengurusan tertinggi memutuskan untuk melonjakkan ketangkasan penguatkuasaan berteraskan nilai berkat melalui dua fokus; pertama, menyemai nilai berkat kalangan peniaga dalam setiap transaksi perniagaan, dan kedua, menanam nilai berkat dalam kalangan

jentera penguatkuasa untuk menunaikan tanggungjawab dengan sepenuh integriti.

6. Alhamdulillah, nilai berkat ini telah memandu ketangkasan jentera penguatkuasaan kita sama ada melalui operasi-operasi utama dalam tahun ini seperti OPS TIRIS dan OPS KESAN yang diterajui Bahagian Penguat Kuasa KPDN, serta usaha membasmi kartel yang digerakkan melalui MyCC.

YAB Dato' Seri,

7. Insya Allah, kami seluruh warga KPDN akan sentiasa memberikan sepenuh komitmen untuk menunaikan amanah dan harapan kepimpinan Kerajaan. Bagi mewakili sekalian penjawat awam di KPDN juga, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas keprihatinan kepimpinan Dato' Seri untuk menambah baik sistem saraan perkhidmatan awam termasuk menaikkan gaji para penjawat awam.

YAB Dato' Seri,

8. Petang ini saya juga membawa harapan warga KPDN. Mohon izin Dato' Seri untuk saya membangkitkan beberapa permintaan.
9. Pertama, komponen penguatkuasaan perdagangan dalam negeri dalam sistem Kerajaan telah bermula seawal tahun 1972. Setelah lebih 5 dekad, menjadi harapan kami agar keberadaan Bahagian Penguat Kuasa ini dapat diperkasakan pada kedudukan dan tempatnya. Hari ini kita ada pelbagai komponen penguatkuasaan

dalam Kerajaan yang bertaraf Jabatan dan Agensi, kita juga ada badan pengurusan sukarelawan dalam Kerajaan yang telah bertaraf Jabatan, begitu juga organisasi yang mentadbir urusan komunikasi komuniti yang juga menjadi jabatan. Besar harapan kami agar dapat dipertimbangkan, usaha menaik taraf Bahagian Penguat Kuasa sebagai salah satu jabatan di bawah KPDN. Kita maklum pastinya ada proses dan pertimbangannya, namun kita cukup yakin, dengan mandat YAB Dato' Seri, Insya Allah, Dato' Sri KSN bersama JPA boleh menyusul perkara ini sewajarnya.

10. Pada masa yang sama, warga KPDN juga ada berbisik-bisik tentang peranan mereka sebagai petugas barisan hadapan. Dalam MAPPA yang lepas, YAB Dato' Seri ada menyentuh berhubung jasa dan pengorbanan para frontliners sepanjang pandemik COVID-19. Dan hakikatnya, para penguat kuasa KPDN juga memainkan peranan penting, antaranya memastikan bekalan barang makanan dan keperluan lain seperti pelitup muka, bukan sahaja mencukupi, malah pada harga yang berpatutan. Dan semalam dalam Majlis Persaraan KPDN bagi tahun 2024, saya sempat bersama salah seorang pesara penguat kuasa KPDN yang kini mengalami kecacatan kekal kerana terlibat dalam kemalangan ketika bertugas semasa pandemik. Kemalangan tersebut berlaku pada 17 April 2020, yang melibatkan 3 petugas KPDN termasuk seorang yang meninggal dunia di tempat kejadian. Sedihnya, ketika frontliners yang lain menerima eluan khas COVID-19, penguat kuasa KPDN terlepas pandang daripada senarai penerima. Sekalipun insiden ini telah agak lama berlalu, saya fikir wajar untuk saya kongsi. Bukan soal nilai wang ringgit, tapi ini persoalan yang masih kekal dalam hati warga penguat kuasa kita.

YAB Dato' Seri,

11. Keduanya, kami amat memahami kekangan Kerajaan dalam membuat pertimbangan kepada setiap permohonan peruntukan. Cumanya, dengan penuh hormat dan rendah diri, adalah diharapkan pendekatan khusus yang diguna pakai kepada beberapa jabatan dan agensi lain dipanjangkan kepada KPDN. Apa yang dimaksudkan adalah sebahagian daripada hasil-hasil rampasan dan penalti melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dapat dikembalikan semula kepada KPDN khususnya untuk pembangunan kapasiti Bahagian Penguat Kuasa. Kalau tidak pun dalam bentuk tabung, mungkin boleh dikira dalam kaedah Buku 555. Saya yakin Kementerian Kewangan cukup memahami.
12. Dan yang ketiga, komponen penguatkuasaan KPDN juga mencakupi peranan penting MyCC. Sebagaimana yang sering YAB Dato' Seri utarakan, dan sebagaimana keputusan MTEN pada 15 Januari 2024, KPDN melalui MyCC perlu lebih agresif memerangi kewujudan kartel dan monopoli yang bermasalah, yang mempengaruhi kenaikan harga barang dan perkhidmatan.
13. Kita telah mulakan agenda ini dan kita akan gempur habis-habisan. Apapun YAB Dato' Seri, kami juga memerlukan bantuan dalam pembangunan kapasiti MyCC. Untuk pengetahuan, sejak tertubuhnya MyCC pada 1 April 2011, sehingga kini kita hanya mempunyai seramai 17 orang pegawai penyiasat (IO). Kita mohon agar dipertimbangkan kaedah bagaimana kita dapat memperkukuhkan pasukan MyCC.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Hari ini, peranan KPDN semakin mencabar apabila Kerajaan meletakkan komponen kos sara hidup terpahat sebagai sebahagian daripada nama kementerian ini. Dalam kita menyelaraskan usaha Kerajaan melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang diletakkan di bawah KPDN, hakikatnya strategi dan inisiatif yang dilaksanakan digerakkan merentasi pelbagai kementerian dan agensi. Hari ini kami juga menjemput wakil-wakil daripada Kementerian-Kementerian yang mengetuai 8 kluster fokus di bawah NACCOL.
15. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani kos sara hidup rakyat. Atas sebab itu, untuk membolehkan rakyat mendapat akses kepada maklumat dengan mudah dan cepat, hari ini kita akan melancarkan Portal Ihsan Madani yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka saya membawa perhatian semua kepada kajian oleh UNICEF bertajuk "*Living on The Edge*" yang baru diterbitkan pada 8 Mei 2024. Antara dapatan laporan tersebut adalah aspirasi para responden kalangan golongan rentan terhadap Kerajaan; iaitu:
  - i) Pertama, gaji dan upah yang lebih tinggi;
  - ii) Kedua, perluasan perlindungan sosial dan bantuan tunai; dan
  - iii) Ketiga, ikhtiar dalam menangani kenaikan harga barang.

17. Syukur Alhamdulillah, melihat kepada pelbagai ikhtiar kita dalam menangani kos sara hidup, saya fikir agenda yang digerakkan oleh Kerajaan Madani pada hari ini adalah selari dengan aspirasi dan harapan tersebut.
  
18. Akhirul kalam, terima kasih YAB Dato' Seri, sesungguhnya kehadiran ini amat bernilai dan bermakna buat kami.

Sekian.